

RUJUKAN / REFERENCE : JPB/131/1/1-3 EC 01-22
TARIKH / DATE : 6 APRIL 2022
KEPADA / TO : PARA PELANGGAN DAN PENGGUNA
PELABUHAN YANG DIHORMATI /
ALL VALUED CUSTOMERS AND
PORT USERS

**PENAMATAN PELAYAR WEB INTERNET EXPLORER OLEH MICROSOFT
PADA 15 JUN 2022**

**MICROSOFT TO RETIRE ITS INTERNET EXPLORER BROWSER ON JUNE
15, 2022**

1. Adalah dimaklumkan bahawa semua pelanggan dan pengguna sistem Johor Port yang menggunakan pelayar web *Internet Explorer* untuk mencapai sistem JPB menerusi URL: <https://jpbi.johorport.com.my/ecommunity> disarankan untuk beralih segera kepada penggunaan pelayar *Microsoft Edge*. Ini kerana pelayar web *Internet Explorer* telah diumumkan untuk ditamatkan dan tidak akan dikendalikan lagi oleh pihak MICROSOFT pada **15 Jun 2022**.

*Please be informed that all Johor Port customers and users are advised to shift and use Microsoft Edge browser to access the JPB system using the URL: <https://jpbi.johorport.com.my/ecommunity>, instead of using the Internet Explorer browser. This is due to the latest announcement by MICROSOFT that it will retire its Internet Explorer browser on **June 15, 2022**.*

2. Untuk memastikan pengguna sistem Johor Port tidak menghadapi gangguan atau masalah dalam penggunaan pelayar web *Microsoft Edge*, pihak ICT Johor Port Berhad telah mengambil pendekatan dengan menggunakan *IE Tab extension*, dimana ia adalah *add-on* di dalam pelayar *Edge* yang membolehkan semua ciri-ciri yang terdapat di dalam pelayar *Internet Explorer* boleh digunakan di dalam *Microsoft Edge*.

As to ensure a smooth transition using Microsoft Edge to access the JPB system, ICT Johor Port Berhad has taken the approach to using the IE Tab extension via add-on that will allow all Internet Explorer-based features in Microsoft Edge.

3. Pihak ICT Johor Port Berhad telah membeli lesen *IE Tab* dan akan mengagihkan kepada semua pengguna JPBi mengikut kuota yang

disediakan dalam memastikan pengguna tiada masalah dalam penggunaan sistem JPBi. Penggunaan lesen ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat bagi penggunaan sistem Johor Port sahaja.

ICT Johor Port Berhad has purchased the license of IE Tab. It will be distributed to all JPBi users based on the allocated quota to ensure all users are able to access the JPBi system seamlessly. The use of this license is subject to the terms and conditions under the use of the Johor Port system only.

4. Sehubungan dengan ini, kami memerlukan maklumat mengenai syarikat tuan/puan supaya pengagihan lesen tersebut dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur. Lesen tersebut akan diberikan kepada penerima yang diberi tanggungjawab oleh syarikat tuan/puan untuk diedarkan kepada pengguna yang menggunakan sistem JPBi ini di dalam syarikat tuan/puan.

With this regard, we need to obtain information about your company for the distribution of the license. The license will be given to the person in charge as assigned by your company, who will be responsible to distribute it to all users of the JPBi system under your company.

5. Atas tujuan ini, mohon kerjasama tuan/puan untuk melengkapkan dan memastikan maklumat yang tepat diisikan di dalam borang yang disertakan (*FORM: IE Tab Agreement License with JPB V1*) dan memberikan semula borang yang telah lengkap kepada pihak ICT Johor Port Berhad.

For this purpose, we seek your cooperation to ensure the information given is valid when completing the attached form (FORM: IE Tab Agreement License with JPB V1). Kindly return the completed form to ICT Johor Port Berhad.

6. Sekiranya anda memerlukan bantuan dan penjelasan lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi:

Should you require further clarification or assistance, please contact:

ICT Helpdesk Johor Port Berhad

Telefon / Phone : +607 2535800 or +6019-7172001 (IT Hotline)

Faks / Fax : +607 2524 779

Emel / Email : helpdesk@johorport.com.my

Sekian, terima kasih.

Thank you.

Yang benar,
Yours sincerely,
JOHOR PORT BERHAD



OMAR BIN OTHMAN
Ketua, Teknologi Maklumat & Komunikasi
Head, Information & Communication Technology